

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO  
[ PUCHONG ]**

**TARIKH : 8 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7922**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah laporan polis atau aduan lain yang telahpun dibuat terhadap pegawai MACC, dan bilangan aduan/ laporan tersebut yang melibatkan kekerasan, ugutan atau paksaan terhadap pengadu dan tindakan yang telahpun diambil. Sekiranya tiada tindakan, kenapa.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis akan menjalankan siasatan terhadap mana-mana individu atau di kalangan penguatkuasa sekiranya terdapat aduan yang dibuat. Pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap beberapa aduan yang dibuat oleh individu yang telah diugut, dipukul, dipaksa dan dikasari oleh pegawai atau anggota penguatkuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pihak polis telah menjalankan siasatan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan, Seksyen 506 Kanun Keseksaan, Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 186 Kanun Keseksaan.**

**Statistik kertas siasatan yang dibuka terhadap pegawai SPRM bagi tempoh 2012 sehingga 2015 (April) seperti berikut:-**

<b>TAHUN</b>	<b>MASIH DALAM SIASATAN</b>	<b>TUDUH</b>	<b>NFA</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>2012</b>	<b>4</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>5</b>
<b>2013</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>2</b>
<b>2014</b>	<b>2</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2</b>
<b>2015</b>	<b>3</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>3</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>12</b>

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN**  
**DATU MANSUR**  
**(SILAM)**  
**TARIKH : 08.06.2015 (ISNIN)**  
**SOALAN : 25**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapakah bilangan Lampu Jalan Kampung (LJK) yang telah dilaksanakan di Parlimen Silam bermula dari tahun 2010-2014.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan program Lampu Jalan Kampung (LJK) di bawah Kementerian dibuat secara berperingkat-peringkat. Bermula daripada tahun 2010 sehingga tahun 2014, sejumlah 207 unit LJK telah siap dipasang di kawasan Parlimen Silam melibatkan 27 buah kampung.

Bagi tahun 2015, Kementerian merancang untuk memasang 2,000 unit LJK di seluruh negeri Sabah. Senarai pengagihan dan pemasangan LJK negeri Sabah sedang dimuktamadkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Kementerian menjangkakan kerja-kerja pemasangan LJK ini akan dimulakan pada 1 Julai 2015.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**SOALAN : 26**

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan prestasi Pelabuhan Pulau Pinang selepas penjualan ekuiti kepada Syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. Nyatakan pembaikan, penurunan dan rumusan audit yang dijalankan dan tindakan pembetulan. Mengapakah tambang feri perlu dinaikkan bila prestasi perkhidmatan tidak meningkat dan feri baru tidak dibeli.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah mengambil alih pengurusan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) pada Januari 2014. Dalam tahun 2014. PPSB telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi tujuan meningkatkan kecekapan operasi dan antaranya adalah seperti berikut :-

- i. pengenalan petunjuk prestasi utama;
- ii. meningkatkan pengawasan;
- iii. mengoptimumkan kawasan operasi
- iv. memperkemaskan prosidur dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- v. mempertingkat kerjasama dengan KTMB dalam operasi dan perkhidmatan rel di pelabuhan; dan
- vi. memberi focus kepada penyelenggaraan pencegahan

Hasil daripada inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan, PPSB telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam perkhidmatan pelabuhan terutamanya dalam operasi kontena. Jumlah pergerakan kontena bagi setiap kren dermaga kini telah meningkat kepada 27 kontena sejam berbanding dengan 18 kontena sejam sebelumnya.

Peningkatan produktiviti ini telah menambah keyakinan syarikat-syarikat perkapalan utama seperti Yang Ming Lines, Wan Hai Lines, CMA CGM dan COSCO untuk meningkatkan jumlah frekuensi khidmat mingguan mereka ke Pelabuhan Pulau Pinang. Secara keseluruhannya jumlah

frekuensi perkhidmatan kapal kontena mingguan di Pelabuhan Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 25%. Selain dari itu, syarikat-syarikat perkapalan baru seperti Pacific International Lines dan sebuah konsortium perkapalan yang diwakili oleh Mitsui OSK Line, NYK Line, Regional Container Line Shipping dan X-Press Feeders juga telah memulakan perkhidmatan baru ke Pelabuhan Pulau Pinang.

Dengan peningkatan jumlah singgahan kapal pula, para pengilang dan pengeksport di Pulau Pinang pada hari ini mempunyai pilihan untuk menggunakan khidmat dari lebih dari 45 syarikat perkapalan, yang mana 20 dari syarikat perkapalan tersebut menawarkan perkhidmatan terus (*direct calls*) dengan frekuensi perkhidmatan perkapalan mingguan sebanyak 35 perkhidmatan terus ke 60 destinasi yang majoritinya merupakan destinasi pelabuhan eksport utama di sekitar ASEAN dan Asia Timur.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian baru-baru ini menerima permohonan dari PPSB untuk menyemak semula tarif feri Pulau Pinang dan kini ianya sedang diteliti oleh pihak Kementerian Pengangkutan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menulis kepada Kementerian Pengangkutan menyampaikan hasrat untuk mengambalih perkhidmatan feri Pulau Pinang tanpa mengenakan sebarang kenaikan tambang terhadap perkhidmatan feri.

Kementerian Pengangkutan telahpun membalas surat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya mengemukakan kertas cadangan terperinci untuk penelitian Kementerian Pengangkutan selanjutnya. Sehingga hari ini Kementerian Pengangkutan masih belum menerima sebarang kertas cadangan.